

Headline	Pekebun durian musang king bimbang diusir		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Utara)		
Date	11 Jul 2019	Color	Black/white
Section	News	Circulation	4,244
Page No	47	Readership	12,732
Language	Malay	ArticleSize	172 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,042
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,127



## Pekebun durian musang king bimbang diusir

**BATU GAJAH 10 Julai** - Sekumpulan lapan orang pekebun di sini melahirkan kebimbangan apabila dimaklumkan supaya tanah yang diusahakan sejak 40 tahun lalu perlu dikosongkan kerana ia milik kerajaan negeri.

Kawasan tersebut yang terletak kira-kira tiga kilometer dari pekan Pusing dekat sini ditanam dengan pelbagai jenis tanaman antaranya durian, mempelam, cempedak, jagung selain kelapa sawit.

Seorang pekebun, **Koh Kah Kam**, 48 berkata, ada pihak luar melakukan kerja-kerja ukur tan-

ah di kebunnya minggu lalu dan memberitahu tanah berkenaan ingin dibangunkan.

Katanya, walaupun tiada sebarang notis diterima tetapi perkara itu merisaukan kerana ada antara tanamannya baru membahukan hasil.

"Saya mengusahakan kebun seluas empat hektar yang ditanam durian, mempelam dan cempedak.

"Sebanyak 200 batang pokok durian musang king yang ditanam 12 tahun lalu-pula baru membahukan hasil dan banyak

kos telah dibelanjakan," ujarnya ketika ditemui semalam.

Kata Kah Kam, sejak 10 tahun lalu dia telah beberapa kali mengemukakan permohonan kepada pejabat tanah untuk menyewa tanah berkenaan tetapi tidak mendapat balasan.

Jelasnya lagi, perkara itu dibuat setelah menerima cadangan daripada pihak Lembaga Permasaran Pertanian Persekutuan hasil beberapa program ceramah tani yang disertainya.

Kebimbangan sama disuarakan pengusaha mempelam, Pe-

ter Wong Koon Fook, 51, kerana kebanyakan pekebun di situ mengusahakan tanaman secara sendirian dengan sumber kewanginan yang terhad.

Sementara itu, Timbalan Pengurus Parti Sosialis Malaysia, **M. Sarasvathy** berkata, kerajaan negeri perlu mengambil langkah proaktif dan tidak mengejir pekebun berkenaan.

Menurutnya, mereka merupakan pekebun yang gigih kerana telah mengusahakan tanah terbiasa sejak 40 tahun lalu yang kini menjadi kawasan pertanian berjaya.